



22 Januari 2021
22 January 2021
P.U. (B) 46

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS PENENTUAN KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN
MUKTAMAD AFIRMATIF DUTI ANTI-LAMBAKAN
BERKENAAN DENGAN IMPORT KELULI ALOI DAN
BUKAN ALOI GEGELUNG GULUNGAN SEJUK
YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT
DARI REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM

*NOTICE OF AFFIRMATIVE FINAL ADMINISTRATIVE
REVIEW DETERMINATION OF ANTI-DUMPING DUTY
WITH REGARD TO IMPORT OF COLD ROLLED COILS
OF ALLOY AND NON-ALLOY STEEL ORIGINATING OR
EXPORTED FROM THE SOCIALIST REPUBLIC OF VIET NAM*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PENENTUAN KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN MUKTAMAD AFIRMATIF DUTI ANTI-LAMBAKAN BERKENAAN DENGAN IMPORT KELULI ALOI DAN BUKAN ALOI GEGELUNG GULUNGAN SEJUK YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM

(AR 01/20)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 28(4) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*], Kerajaan telah membuat penentuan kajian semula pentadbiran muktamad afirmatif terhadap pengenaan duti anti-lambakan berkenaan dengan import keluli aloi dan bukan aloi gegelung gulungan sejuk yang mempunyai ketebalan antara 0.20 milimeter hingga 2.60 milimeter dan kelebaran antara 700 milimeter hingga 1,300 milimeter tidak termasuk plat hitam kilang timah dan dagangan subjek yang diimport bagi maksud penggunaan akhir automotif daripada semua gred dan spesifikasi yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7209.15.00 00, 7209.16.10 00, 7209.16.90 00, 7209.17.10 00, 7209.17.90 00, 7209.18.99 00, 7225.50.10 00 dan 7225.50.90 00 yang berasal atau dieksport dari Republik Sosialis Viet Nam ke dalam Malaysia (“dagangan subjek”). Kod H.S dan AHTN ini diberikan hanya untuk makluman dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap penjenisan dagangan subjek.

Sebab bagi penentuan kajian semula pentadbiran muktamad afirmatif

2. Sebab bagi penentuan kajian semula pentadbiran muktamad afirmatif ialah perubahan margin lambakan secara substantif bagi import dagangan subjek oleh pengeluar atau pengeksport dari Republik Sosialis Viet Nam seperti dalam Jadual 1.

Duti anti-lambakan

3. Duti anti-lambakan yang akan dikenakan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2.

Sebab bagi pengenaan duti anti-lambakan

4. Sebab bagi pengenaan duti anti-lambakan di bawah perenggan 3 adalah untuk mencegah lambakan atau kemudaratan yang berterusan dan berulang kepada industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran di bawah kajian.

Tempoh pengenaan duti anti-lambakan

5. Duti anti-lambakan yang dikenakan di bawah perenggan 3 hendaklah terpakai mulai 24 Januari 2021 hingga 23 Mei 2021.

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993

NOTICE OF AFFIRMATIVE FINAL ADMINISTRATIVE REVIEW DETERMINATION
OF ANTI-DUMPING DUTY WITH REGARD TO IMPORT OF COLD ROLLED
COILS OF ALLOY AND NON-ALLOY STEEL ORIGINATING OR EXPORTED
FROM THE SOCIALIST REPUBLIC OF VIET NAM

(AR 01/20)

IN exercise of the power conferred by subsection 28(4) of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*], the Government has made an affirmative final administrative review determination on the imposition of anti-dumping duty with regard to the import of cold rolled coils of alloy and non-alloy steel of a thickness between 0.20 millimetres to 2.60 millimetres and width between 700 millimetres to 1,300 millimetres excluding tin mill black plate and subject merchandise imported for the purpose of automotive end-usage of all grades and specifications which are classified under the Harmonised System Code (H.S. Code) and ASEAN Harmonized Tariff Nomenclature (AHTN) 7209.15.00 00, 7209.16.10 00, 7209.16.90 00, 7209.17.10 00, 7209.17.90 00, 7209.18.99 00, 7225.50.10 00 and 7225.50.90 00 originating or exported from the Socialist Republic of Viet Nam ("subject merchandise"). These H.S Code and AHTN are given only for information and have no binding effect on the classification of the subject merchandise.

Reason for affirmative final administrative review determination

2. The reason for the affirmative final administrative review determination is that there is a substantial change in the dumping margin for the imports of subject merchandise by producers or exporters from the Socialist Republic of Viet Nam as specified in Schedule 1.

Anti-dumping duties

3. The anti-dumping duties to be imposed shall be as specified in Schedule 2.

Reason for the imposition of anti-dumping duties

4. The reason for the imposition of anti-dumping duties under paragraph 3 is to prevent continuation or recurrence of dumping and injury to the domestic industry in Malaysia producing the product under review.

Period of imposition of anti-dumping duties

5. The anti-dumping duties imposed under paragraph 3 shall apply from 24 January 2021 to 23 May 2021.

JADUAL 1/SCHEDULE 1

[Perenggan 2/Paragraph 2]

**KEGIATAN LAMBAKAN OLEH PENGELUAR ATAU PENGEKSPORT/
DUMPING ACTIVITIES BY PRODUCER OR EXPORTER**

Negara/ <i>Country</i>	Pengeluar atau Pengeksport/ <i>Producer or Exporter</i>	Margin Lambakan/ <i>Dumping Margin</i>
Republik Sosialis Viet Nam/ <i>The Socialist Republic of Viet Nam</i>	China Steel Sumikin Viet Nam Joint Stock Company	33.70%
	POSCO – Viet Nam Co., Ltd.	7.42%
	Lain-lain/ <i>Others</i>	33.70%

JADUAL 2/SCHEDULE 2

[Perenggan 3/Paragraph 3]

DUTI ANTI-LAMBAKAN SEMENTARA/PROVISIONAL ANTI-DUMPING DUTIES

Negara/ <i>Country</i>	Pengeluar atau Pengeksport/ <i>Producer or Exporter</i>	Kadar Duti [Peratusan (%) daripada Nilai Kos, Insurans dan Tambang (KIT)]/ <i>Rate of Duty</i> [Percentage (%) of the Cost, Insurance and Freight (CIF) Value]
Republik Sosialis Viet Nam/ <i>The Socialist Republic of Viet Nam</i>	China Steel Sumikin Viet Nam Joint Stock Company	33.70%
	POSCO – Viet Nam Co., Ltd.	7.42%
	Lain-lain/ <i>Others</i>	33.70%

Bertarikh 22 Januari 2021

Dated 22 January 2021

[MITI:600-2/2/6; PN(PU2)529/XXVIII]

DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI

*Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri/
Senior Minister of International Trade and Industry*